

Qalam

Bilangan 27 1372 Muharram – Oktober 1952 60 sen

BARISAN KEBANGSAAN

Perkara-perkara yang patut kita perhati yang terbit daripada Persidangan Agung UMNO di Butterworth pada pertengahan September 1952 ialah tentang masalah mengadakan Barisan Kebangsaan (National Front) iaitu suatu perkara yang sangat mustahak diadakan pada masa ini bagi menghadapi masalah-masalah yang ada di hadapan kita terutamanya keadaan-keadaan di sekeliling kita hari ini sudah pun membawa kepada perubahan-perubahan yang tidak mengikut kegemaran umum orang-orang kita.

Di dalam persidangan itu tidak terzahir adakah Barisan Kebangsaan itu ditujukan kepada Barisan Kebangsaan Melayu atau ditujukan kepada Barisan Malayan. Sebab-sebab pertanyaan itu terbit ialah oleh kerana telah kuat riak-riaknya bahawa UMNO akan mengadakan perundingan-perundingan dengan wakil-wakil MCA yang dengan kerana itu seolah-olahnya UMNO akan melancarkan rancangan yang tertentu di atas nama UMNO tetapi harus akan membabit kepada meliputi nama UMNO orang-orang Melayu.

Dengan fahaman ini maka kita dapat memberi pandangan belumlah lagi tiba masanya UMNO akan berunding dengan MCA oleh kerana masa untuk mengadakan rundingan itu diadakan disebabkan oleh perpecahan-perpecahan yang ada di sekeliling orang Melayu belum dapat diperbaiki – sedangkan di dalam UMNO sendiri masih ada perpecahan fikiran yang terbukti daripada dasar UMNO itu seakan-akan meraba-raba oleh kerana program politik tidak dibuat. Dengan demikian maka langkah-langkah mengadakan Barisan Kebangsaan itu harus di syak, dengan kerana

rancangan mengadakan perjumpaan dengan MCA itu sebagai Barisan Kebangsaan Malayan.

Sekiranya tujuan-tujuan mengadakan Barisan Kebangsaan itu ditujukan kepada Barisan Kebangsaan Melayu maka sudah tentu yang demikian itu sangat-sangat mustahak menyatukan kuasa dasar bersama di antara orang-orang Melayu iaitu perkara yang mustahak lebih dahulu dimulakan sebelum UMNO mengambil langkah berunding dengan MCA atau dengan lain pertubuhan siasah supaya dengan kekuatan bersatu itu dapat kita menentukan dasar-dasar dan hala yang kita kehendaki dirundingkan kepada mereka yang dikenakan akan mengaku taat setia di dalam negeri Melayu.

Dengan demikian maka mustahak sangat terlebih dahulu UMNO mengambil langkah mengadakan Barisan Kebangsaan itu supaya orang-orang di luar UMNO dapat memberi fahamnya kerana walau bagaimanapun UMNO itu masih belum boleh diakui mewakili seratus peratus orang Melayu. Apabila Barisan Kebangsaan ini dapat didirikan maka sudah tentu kata-katanya dipandang berat dan dapatlah kita menentukan corak mana yang kita kehendaki bagi keselamatan kita masa yang akan datang. Sebelum kita mengadakan barisan itu sangat tidak benar rasanya langkah-langkah yang diambil UMNO mengadakan perundingan dengan MCA itu tidak ada maknanya perjumpaan itu diadakan selagi faham-faham di dalam lingkungan orang Melayu belum disatukan pada hal di dalam masa kita tidak bersatu itu banyak perkara-perkara yang dilakukan orang dengan tidak kegemaran kita dan harus juga nanti, jika berjalan rundingan di antara UMNO dengan MCA keadaannya tidak ubahnya seperti yang terjadi di dalam jawatankuasa perkauman dahulu.

Yang mustahak benar bagi UMNO memikirkan pada masa ini ialah terlebih dahulu memikirkan hal keadaan rumah tangga sendiri. Ia wajib menyatukan orang-orang di dalam UMNO sendiri dan juga mencari jalan menyatukan fikiran dan pendapatan bersama orang-orang Melayu oleh kerana jika UMNO hanya bersendirinya sahaja maka orang-orang lain yang banyak di luar UMNO itu berpendapatan masih banyak ada orang-orang di dalam UMNO yang boleh

dipengaruhi oleh anasir-anasir penjajah dan juga oleh anasir yang mengutamakan maslahat diri dan mengambil peluang di dalamnya. Dengan itu tidaklah rasanya patut Barisan Kebangsaan itu dikecil-kecilkan.

Kita mesti memandang akan kelemahan diri kita. Kita mesti menyusun rumah tangga kita dahulu dan baharulah kita mahu berunding atau memikirkan mereka yang tidak dapat ditolak hak-haknya di dalam negeri ini dengan mengikut corak dan hala yang kita kehendaki oleh mereka itu. Kita mesti melihat bahawa sebelum perang dahulu tidak ada sebutan terhadap negeri kita dengan nama Malaya tetapi tersebut Malay Peninsular dan sebagainya tetapi sekarang telah disebut Malaya dan penduduknya Malayan iaitu sebutan yang tidak digemari oleh kita – semuanya berjalan seolah-olahnya dipaksakan kepada kita dan kita tidak dapat membantahnya kerana tidak ada barisan persatuan kita.

Dari semasa ke semasa kebudayaan kita dihapuskan sehingga dari terpisahnya Singapura ini daripada Semenanjung Tanah Melayu dasar-dasar pelajaran yang diberikan kepada anak-anak kita di Singapura bentuknya sudah zahir untuk “menggengeriskan orang-orang Melayu”. Buktinya terang dan nyata bahawa pelajaran Melayu itu diketepikan dengan begitu sahaja di dalam rancangan pelajaran lima tahun.

Banyak lagi perkara-perkara yang boleh kita sebut sebagai contoh yang semuanya menghendaki supaya kita mendirikan suatu barisan yang kuat yang boleh berdiri mempertahankan hak-hak bersama bagi orang-orang Melayu yang disegani oleh orang lain. Kita mesti ingat bahawa dasar “pecah-pecahkan dan perintah itu” bukan hanya memasuki umum orang Melayu tetapi juga di dalam UMNO sendiri di dalam mana anasir-anasir yang gilakan kebesaran dan nama telah digunakan untuk memecahbelahkan di dalam UMNO sendiri- Hal ini patut menjadi cermin oleh pihak UMNO sendiri supaya jangan

lagi nanti ada anasir-anasir yang sedemikian itu di dalam UMNO digunakan oleh orang untuk meruntuhkan perdirian UMNO dengan mereka itu diberikan gula-gula yang manis lalu tidak mengenang kepada bencana yang dibawa kepada bangsa sendiri.


Mudah-mudahan di dalam cita-cita hendak mengadakan Barisan Kebangsaan ini ada kiranya keinsafan dan timbang rasa dengan menjauhkan sama sekali timbul perasaan perseorangan di dalam lingkungan orang-orang Melayu kerana yang demikian ini akan membawa kerugian yang sangat besar.

Mustahaknya Barisan Kebangsaan kita itu tidaklah dinafikan adanya terutamanya apabila telah diperundang-undangkan 2,650,000 penduduk Tanah Melayu daripada bangsa kita berbanding dengan 1,100,000 Cina dan 180,000 orang India yang daripada itu adalah menentukan hak-hak suara kita lebih besar untuk menghendaki sesuatu yang sesuai dengan keadaan kita dengan di sebalik itu nanti boleh kita memberikan layanan dan kelulusan kepada anak-anak dagang dengan acuan yang kita buat bukan daripada acuan daripada mereka dan bukan juga acuan yang dibuat oleh orang lain.

Corak yang dikehendaki di dalam Barisan Kebangsaan itu, dengan kerana adanya perjanjian-perjanjian yang telah lalu dengan kerajaan British maka yang utama sekali diperlukan ialah corak perhubungan kita dengan Raja kita dengan dasar “Raja itu rakyat dan rakyat itu Raja” supaya jangan nanti dicuba sebagaimana yang telah ada segala sesuatu yang hendak dijalankan untuk maslahat kita. Kita dikebelakangkan dan Raja sahaja yang dibawa berunding. Setelah itu maka perkara-perkara yang patut difikirkan ialah:

(1) Mengawal maslahat orang-orang Melayu. Kawalan maslahat ini adalah dikehendaki dengan perbuatan kerana kita telah sentiasa diberi akuan bahawa maslahat kita akan dikawal tetapi hakikatnya menjadi sebaliknya.

(2) Dengan cita-cita dan tujuan menjadikan kerajaan sendiri di Malaya maka Barisan Kebangsaan itu hendaklah



Suatu majlis pertemuan umum dalam Mukhtamar Masyumi seluruh

Indonesia yang diadakan di Jakarta pada akhir bulan Ogos tahun ini.

Di antara yang hadir terdapat Perdana Menteri Wilopo- Gambar Waktu.

mengemukakan suatu “kertas putih” kepada Setiausaha Kerajaan British dengan menuntut sekurang-kurangnya bahawa di dalam kerajaan peralihan nanti hendaklah diletakkan suatu peluang yang besar mengutamakan bangsa Melayu menduduki tempat-tempat yang mustahak di dalam pemerintahan itu dan membantah segala langkah-langkah yang membelakangkan masalah-masalah mereka itu.

(3) Memikirkan kedudukan anak-anak dagang yang telah mengaku taat setia kepada Semenanjung Tanah Melayu di dalam mana masalah-masalah mereka itu adalah ditentukan oleh kita dan mengikut corak yang kita kehendaki.

(4) Orang-orang yang tidak termasuk di dalam lingkungan yang tersebut pada perkara yang ketiga tadi yakni tidak termasuk di dalam lingkungan hak-hak anak negeri atau dengan ringkasnya Kebangsaan Melayu maka mereka itu hendaklah dipandang sebagai orang luar yang tidak mempunyai hak sedikit pun di dalam negeri ini.

Perkara-perkara yang tersebut di atas ini sangat mustahak diperhati oleh kerana kalau kita perhati kepada kedudukan yang ada pada masa ini, menurut pandangan kita, terbitnya pengganas-pengganas

itu nampaknya sudah terang pada mulanya tidak berpuas hati.

Perasaan tidak puas hati itu oleh kerana cara-cara tampuk pemerintahan tidak ada bentuknya yang tertentu yang boleh diterima oleh mereka dan dengan kerana itu maka mudahlah mereka dimasuki oleh anasir-anasir Komunis yang dari masa ke satu masa tujuannya merosakkan kedudukan-kedudukan kebangsaan kita yang tulen. Dengan kerana itu maka bentuk yang dikehendaki ialah supaya anak-anak dagang yang taat setia itu diiktiraf hak-haknya – Ini ialah suatu cara nanti yang dengan sendirinya menjauhi segala corak-corak yang dibawa oleh anasir-anasir Komunis itu. Anak-anak dagang itu harus akan berpuas hati kelak dengan suatu bentuk yang kita menentukannya untuk mereka itu.

Untuk tujuan-tujuan ini maka hendaklah dijauhkan perasaan-perasaan sebagaimana yang pernah terjadi di dalam UMNO dahulu terus memandang kecil kepada lain orang dan memandang kecil kepada fikiran-fikiran orang-orang yang di luar daripada mereka itu. Yang demikian ini patut dijauhi adanya pada masa sekarang. Kita mesti mengingat bahawa mencari jalan persatuan dalam lingkungan kita mesti dikerjakan daripada yang lain-lain oleh kerana dalam bersatu itu dapatlah kita menghadapi nanti zaman peralihan yang akan tiba masanya dengan bentuk dan corak yang kita boleh membentuknya dengan bentuk kita kehendaki adanya.

Harap Perhati:

Dalam makalah “Rahsia Al-Quran” ada berlaku sedikit ralat harap dibetulkan. Pada muka 20 ruangan yang pertama, baris 5 dari atas yang betulnya: “Lebih besar daripada manfaatnya” pada ruangan yang kedua baris 7 dari atas yang betulnya: “*summa attaqwa*”.